



PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR DAN UJIAN KOD MORSE SIRI PERTAMA TAHUN 2010

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Peperiksaan Radio Amatur (RAE) dan Ujian Kod Morse (CW) siri pertama bagi tahun 2010 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut.

Peperiksaan / Ujian	No. Siri	Tarikh dan Masa Peperiksaan / Ujian	Tarikh Tutup Permohonan	Wilayah / Pusat Peperiksaan
Ujian Kod Morse (CW)	CW 2010-1	17 Mac 2010, Jam 10:00 pagi	5 Feb 2010 Jam 5:00 petang	Tengah (Cyberjaya)
Peperiksaan Radio Amatur (RAE)	RAE 2010-1	14 Apr 2010, Jam 2:00 petang	12 Feb 2010 Jam 5:00 petang	Tengah & Utara

Kelayakan bagi menduduki peperiksaan / ujian tersebut adalah seperti berikut:

Ujian Kod Morse (CW)	Peperiksaan Radio Amatur (RAE)
- Berumur 18 tahun ke atas pada hari ujian dilangsungkan. - Memiliki Penguntukan Radas Stesen Amatur Kelas B (9W) yang sah untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh ujian dilangsungkan.	- Berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan dilangsungkan. - Warganegara (Bagi bukan warganegara, sila rujuk mana-mana pejabat SKMM untuk pengesahan kelayakan).

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM dan laman web rasmi SKMM di www.skmm.gov.my.

Bagi permohonan menduduki Ujian Kod Morse, borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta bayarannya, satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Pasport) dan satu salinan Pengutukan Radas Stesen Amatur, hendaklah dikembalikan kepada:

**Bahagian Teknologi, Standard dan Rangkaian
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Jalan IMPACT, Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan**

Bagi peperiksaan RAE, borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta bayarannya dan satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Pasport) hendaklah dihantar ke pejabat SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang dipilih seperti berikut:

Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM untuk menghantar permohonan	Nombor untuk dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Jalan Bagan Luar 12000 Butterworth Pulau Pinang	Tel: 04 – 323 8228 Faks: 04 – 323 9448
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9 40100 Shah Alam Selangor	Tel: 03 – 5518 7706 Faks: 03 – 5518 7710

Sila tuliskan nombor siri peperiksaan / ujian yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan / ujian adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00) dan perlu dijelaskan melalui **Kiriman / Wang Pos Malaysia atau Deraf Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama **“SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA”** dan mestilah dikepalkan bersama borang permohonannya. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah calon adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari peperiksaan / ujian dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah (03-8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.

www.skmm.gov.my